



KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2026: NRES KOMITED PERKUKUH AGENDA LESTARI NEGARA

Kerajaan terus komited memperkukuh agenda lestari negara dengan melindungi khazanah alam, memperkasa tadbir urus sumber asli serta memacu pembangunan hijau dan rendah karbon ke arah ekonomi yang mampan dan inklusif seperti mana pembentangan Belanjawan 2026 oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat, semalam.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menyambut baik Belanjawan 2026 yang turut mementingkan kesejahteraan rakyat dan masa depan lestari. Sejumlah RM2.38 bilion diperuntukkan bagi tahun 2026 iaitu peningkatan sebanyak 5.3% berbanding tahun 2025. Jumlah ini merangkumi RM1.49 bilion peruntukan mengurus dengan peningkatan 5.9%. Manakala RM891.27 juta bagi peruntukan pembangunan dengan peningkatan 3.62% berbanding tahun lepas.

Dalam usaha memperkasakan perlindungan flora dan fauna, sebanyak RM250 juta Dana *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) diperuntukkan bagi menyokong negeri-negeri memulihara alam sekitar, termasuk RM50 juta yang akan disalurkan sebagai hasil kepada kerajaan negeri.

Selain itu, sejumlah RM80 juta disediakan bagi menampung 2,500 renjer komuniti yang terdiri daripada lebih 1,000 Orang Asli dan hampir 700 veteran. Mereka akan dibekalkan peralatan rondaan bagi meningkatkan keupayaan melindungi habitat terancam seperti Harimau Malaya, Orang Utan dan Banteng.

Kerajaan turut menggalakkan penggunaan teknologi hijau dengan memperluas Elaun Cukai Pelaburan Aset Hijau untuk Kegunaan Sendiri sebanyak 100 peratus kepada yang menggunakan produk teknologi hijau buatan tempatan yang diiktiraf oleh MyHIJAU Mark. Di samping itu, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 5.0) dibuka sehingga 31 Disember 2026 dengan nilai pembiayaan RM1 bilion, termasuk insentif jaminan kerajaan sehingga 80 peratus bagi sektor sisa dan 60 peratus bagi sektor lain.

Bermula tahun hadapan, Cukai Karbon akan diperkenalkan dengan tumpuan awal kepada sektor besi, keluli dan tenaga. Mekanisme pelaksanaannya akan diselaraskan dengan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan serta Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara yang bakal digubal.

Bagi menggalakkan gaya hidup lestari, pelepasan cukai pendapatan individu sebanyak RM2,500 akan diperluaskan untuk merangkumi pembelian mesin runcit sisa makanan.

Dalam sektor pelancongan pula, lebih RM700 juta disediakan untuk merancakkan industri ini termasuk RM25 juta bagi memulihara tapak UNESCO seperti Taman Negara Gunung Mulu di Sarawak, Lembah Lenggong di Perak dan FRIM Forest Park di Selangor. Pulau Langkawi pula kekal sebagai destinasi geopelancongan utama dengan pembangunan Kilim Geoforest Park, trail kembara Gua Selat Panchor serta geotrail pendakian di Langkawi UNESCO Global Geopark.

Kerajaan juga memberi perhatian kepada pengurusan sumber dan pembangunan ekonomi hijau melalui peruntukan RM10 juta bagi aktiviti pemetaan sumber nadir bumi. Usaha ini akan dilaksanakan termasuk melalui kerjasama antarabangsa yang diterajui Khazanah.

Secara keseluruhannya, peruntukan yang diumumkan ini membuktikan kesungguhan kerajaan untuk memacu pembangunan negara secara seimbang dengan pemeliharaan alam sekitar demi kesejahteraan generasi masa hadapan. Ia juga memperkukuh usaha NRES dalam memastikan kemakmuran ekonomi negara bergerak seiring dengan kelestarian alam sekitar, demi kesejahteraan rakyat dan generasi masa depan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

11 OKTOBER 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

